

BAB 1

LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

1.0 Pendahuluan

Pembiayaan kenderaan secara Islam merupakan salah satu daripada produk pembiayaan pengguna yang menjadi tumpuan perniagaan oleh kebanyakan institusi perbankan Islam hari ini dan telah mendapat penerimaan dan sambutan yang menggalakkan sama ada dari masyarakat Islam ataupun bukan Islam. Di samping itu, ia juga dikatakan agak ringkas dan mudah diuruskan serta mampu memberi pulangan yang tinggi kepada institusi yang menawarkannya. Walaupun begitu, perbincangan khusus tentang pembiayaan ini tidak banyak ditemui berbanding pembiayaan-pembiayaan pengguna lain. Jika ada sekalipun ia lebih tertumpu kepada perbincangan tentang pembiayaan yang berasaskan konsep AITAB, sedangkan konsep lain juga digunakan dalam pembiayaan tersebut. Hal ini boleh dikaitkan dengan amalan pembiayaan kenderaan secara konvensional telah bertapak lebih awal dengan kewujudan Akta Sewa Beli 1967 yang mempengaruhi operasi pembiayaan kenderaan di dalam negara dengan polisi dan peraturannya yang telah tersusun dan diperkembangkan. Perbincangan tentang pembiayaan kenderaan secara Islam ini akan tertumpu kepada keseluruhan konsep yang merangkumi penggunaan dua kaedah yang berbeza dan operasi di kedua-dua buah institusi perbankan Islam terawal negara dengan menggunakan pendekatan kajian secara perbandingan di samping memakai kaedah secara kualitatif sebagai pendekatan utama secara keseluruhannya.

1.1 Latar Belakang Masalah

Sistem perbankan dan kewangan Islam yang mula bertapak di dalam negara sejak tahun 1983 kini berjaya mendapat tempat yang sewajarnya dengan perkembangan yang amat menggalakkan telah memberikan saingan hebat kepada sistem konvensional sedia ada.

Banyak faktor yang menyumbang kepada perkembangannya, antaranya ialah polisi kerajaan yang menyokong pelaksanaan dan pembangunannya, sambutan yang menggalakkan dari orang ramai terutamanya masyarakat Islam dan juga sistem itu sendiri yang mempunyai kelebihan tersendiri sebagai alternatif kepada sistem sedia ada. Unsur-unsur utama yang amat dititikberatkan dalam sistem perbankan Islam ialah bebas dari riba, ketidaktentuan (gharar), perjudian (maisir) dan yang bertentangan dengan kehendak syarak. Dalam tempoh hampir 30 tahun itu, pelbagai produk berasaskan Syariah yang setanding dengan produk perbankan konvensional telah dibangunkan dan digunakan dengan meluas oleh masyarakat bagi memenuhi keperluan kewangan mereka.

Walaupun perbankan Islam telah berkembang dengan pesat, namun pemahaman masyarakat adalah sebaliknya. Kajian Mohd Daud Awang merumuskan bahawa walaupun sebanyak 95 peratus masyarakat Islam mengetahui kewujudan perbankan Islam, namun tahap kefahaman mereka masih rendah dan kurang memuaskan. Kesannya terdapat masyarakat Islam kurang sensitif dengan isu riba dan berlaku salah faham terhadap perkhidmatan perbankan yang didakwa tidak Islamik serta ada yang menganggap perbankan Islam sama sahaja dengan perbankan konvensional.¹ Malah sebelum itu terdapat kajian lapangan berhubung kefahaman usahawan Melayu terhadap perkara yang sama dilakukan oleh Hasan Bahrom menunjukkan tahap kefahaman mereka amat rendah iaitu lebih dari 50 peratus daripada responden, kesannya mereka kurang menggunakan perbankan Islam berbanding konvensional.²

Di samping menganggap perbankan Islam dan konvensional adalah sama, kurangnya kefahaman juga menyebabkan mereka tidak mengambil kisah tentang kemudahan yang diambil sama ada secara Islam atau sebaliknya, bagi mereka yang

¹ Mohd Daud Awang, "Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Suatu Kajian Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia" (tesis kedoktoran, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), i dan 537.

² Lihat Hasan Bahrom, "Global Challenge & Competitiveness of Malaysian Financial Institutions" (kertas kerja, *National Seminar in Islamic Banking & Finance (iBAF)*, Hotel Marriot Putrajaya, 2-3 Mac 2004), 231-247.

penting permohonan mereka berjaya diluluskan. Sesetengahnya pula mudah terpengaruh dengan nama Islam yang digunakan bagi produk pembiayaan tersebut sedangkan mereka tidak mengetahui dengan jelas kedudukannya yang sebenar. Bagi mereka sudah cukup memilih produk pembiayaan Islam bagi mengelak dari terlibat dengan sistem konvensional yang jelas bertentangan dengan Islam. Keadaan ini bertambah kritikal jika pelanggan sendiri tidak mengambil inisiatif sendiri untuk mendapat maklumat dan memahami dengan lebih mendalam tentang pembiayaan ini. Mereka menganggap hak menentukan sesuatu produk dan perkhidmatan itu benar-benar Islamik adalah tanggungjawab institusi berkenaan semata-mata dan pihak berkuasa melalui badan yang berautoriti seperti jawatankuasa pengawasan Syariah di institusi perbankan dan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan BNM.

Antara isu-isu lain yang sering kedengaran dan belum dapat diatasi sepenuhnya dalam perbankan Islam ialah pemakaian kaedah-kaedah tertentu sebagai instrumen dalam produk dan perkhidmatannya yang masih belum diterima di peringkat global. Kontrak BBA contohnya pernah menjadi kontroversi dan tidak diterima oleh ulama di luar negara kerana dikatakan ada kaitan dengan *bay' al-ṭinah* iaitu sebagai helah untuk mengharuskan amalan riba.³ Terdapat beberapa kes mahkamah yang diputuskan secara tidak konsisten dalam menilai instrumen dan kaedah yang digunakan dalam produk pembiayaan terutamanya melibatkan kaedah BBA.⁴ Ekoran dari itu, pemakaian instrumen atau kaedah yang lebih baik bebas dari unsur-unsur yang tidak jelas perlu diberi perhatian sewajarnya dengan berpandukan piawaian dan garis panduan yang diterima di peringkat antarabangsa.

³ Lihat Noor Inayah Yaakub dan Hizri Hasshan, "Kekeliruan Terhadap Pembiayaan *Bai' Bithaman Ajil* di Malaysia," *The Law Review* (2007), 86; Zaharuddin Abd Rahman, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2009), 29, 32, 36, 42-44.

⁴ Antara kes-kes tersebut ialah *Affin Bank v Zulkifli Abdullah* [2006] 1 CLJ 438, *Malayan Banking Bhd v Marilyn Ho Siok Lin* [2006] 3 CLJ 796, *Malayan Banking Bhd v Ya'kub Oje & Anor* [2007] 5 CLJ 311, *Fadzillah v Malayan Banking* [2007] 1 LNS 536, *Arab Malaysian Merchant Bhd v Foreswood Industries* [2007] 1 LNS 539 dan *Arab Malaysian Merchant Bhd v Silver Concept* [2008] 9 CLJ 522. Sila lihat Apnizan Abdullah dan Hakimah Yaacob, "Indicator of Regulatory and Market Maturity?," *ISRA Bulletin* 12 (Ogos 2012), 4.

Perubahan kepada penambahbaikan instrumen dan kaedah yang digunakan dalam produk dan perkhidmatan perbankan Islam ini juga adalah sejajar dengan usaha ke arah pengantarabangsaan kewangan Islam yang terdapat dalam sembilan bidang tumpuan yang terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 yang dibentangkan baru-baru ini. Negara berusaha menjadikan Kuala Lumpur salah sebuah hub kewangan Islam antarabangsa walaupun hub-hub kewangan lain seperti Hong Kong, London dan Singapura sedang berusaha juga ke arah itu.⁵ Ini bermakna ia perlu mempunyai satu tahap piawaian yang tinggi berdasarkan garis panduan yang baik dan diterima di peringkat global yang disokong oleh kerangka perundangan dan pengawalan yang telah ditetapkan. Di samping itu, usaha ini penting bagi menonjolkan kewangan Islam sebagai alternatif kepada sistem konvensional di peringkat antarabangsa. Aspek yang amat penting di dalam kewangan Islam ialah hubungkaitnya dengan aktiviti ekonomi yang sebenar dalam pertumbuhan dan pembangunan masyarakat dan negara. Keadaan ini berbeza dengan sistem konvensional yang lebih menekankan konsep pinjaman berasaskan faedah dan mula mendapat perhatian ekoran kelemahan sistem itu dalam menangani krisis hutang Eropah baru-baru ini.

Namun begitu sistem perbankan dan kewangan Islam juga beroperasi berasaskan hutang dengan peratusan yang tinggi dalam pembiayaan ini berbanding pembiayaan ekuiti. Pembiayaan ekuiti yang berasaskan perkongsian untung rugi sebenarnya lebih diutamakan dan disarankan oleh kebanyakan sarjana Islam di awal pengenalannya. Walaupun pembiayaan hutang dalam perbankan Islam menggunakan kontrak-kontrak pertukaran yang dibenarkan syarak seperti jual beli dan sewaan namun ia telah menyuburkan amalan berhutang dalam masyarakat. Peningkatan hutang isi rumah yang tinggi⁶ melibatkan

⁵Mohd Ayop Abd Razid, "Sektor kewangan negara diperkukuh," *BH*, 31 Disember 2011, 22.

⁶ Hutang isi rumah di Malaysia telah meningkat dari RM210 billion pada tahun 2001 kepada RM581 billion pada tahun 2010 dan 74 peratus dari jumlah itu adalah melibatkan pembelian rumah dan kereta. Apa yang lebih membimbangkan ialah jumlah hutang isi rumah di negara ini berbanding pendapatan boleh guna adalah 140 peratus iaitu yang paling tinggi di dunia. Lihat Mohd Nazari Ismail, "Aspek Tarbiah Dalam Pelaksanaan Sistem Kewangan Islam" (kertas kerja, Seminar Kesan Sistem Kewangan Islam Di Malaysia

pembiayaan perumahan, kenderaan, peribadi, kad kredit dan sebagainya dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah membuka mata banyak pihak terhadap kesan negatif yang bakal dihadapi terhadap keseimbangan sosial dan ekonomi negara. Sejak lima tahun kebelakangan ini, jumlah pembiayaan kenderaan daripada jumlah pinjaman kepada sektor isi rumah puratanya kira-kira 20 peratus iaitu yang kedua tertinggi selepas pembiayaan untuk harta kediaman.⁷ Ini ditambah pula dengan peningkatan kes-kes muflis dalam segmen pembiayaan pengguna ini terutamanya yang melibatkan pembiayaan kenderaan dengan peratusan yang paling tinggi.⁸

Pelaksanaan kawalan yang lebih ketat oleh pihak berkuasa seperti BNM dilihat amat perlu untuk mengelak dari terjadinya krisis hutang yang teruk sebagaimana yang berlaku di negara-negara Eropah baru-baru ini. Pengawasan oleh BNM ke atas situasi ini telah dilakukan secara berterusan dan terbaru dengan pelaksanaan polisi yang lebih ketat di awal tahun 2012 ke atas penilaian kredit pembiayaan kenderaan bagi institusi perbankan dan kewangan yang menawarkannya.⁹ Di peringkat awal pelaksanaannya telah memberi impak yang kurang baik kepada industri tersebut tetapi sebenarnya adalah langkah segera yang perlu bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan yang wujud dalam ekonomi terutamanya dalam sistem kewangan dan perbankan.

1.2 Pernyataan Masalah

Produk-produk perbankan dan kewangan Islam telah menjadi pilihan masyarakat terutamanya yang beragama Islam pada masa kini. Ini termasuklah produk pembiayaan

Terhadap Kekuatan Ekonomi Ummah: Satu Penilaian, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 6-7 Disember 2011), 8.

⁷ Lihat "Garis panduan baru Bank Negara lindungi pengguna," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12.

⁸ "50,000 muflis muda," *BH*, 28 Oktober 2012, 1 dan "Jumlah muflis meningkat setiap tahun," 3; "Hutang kereta paling ramai diisytihar muflis," *Berita Harian*, 7 Disember 2011, 14. Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim Siang Chai, peratusan pembiayaan kenderaan dalam kes muflis ialah sebanyak 25.21 peratus, diikuti oleh pinjaman persendirian 13.15 peratus, pinjaman perumahan 12.31 peratus, pinjaman perniagaan perniagaan 11.26 peratus dan kad kredit 4.9 peratus. Lihat "241,740 orang diisytihar bankrap," *BH*, 4 Disember 2012, 13.

⁹ "Garis panduan baru Bank Negara lindungi pengguna," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12.

kenderaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan bagi mereka yang ingin memiliki kenderaan untuk keperluan pengangkutan dan perhubungan dalam kehidupan seharian. Keyakinan mereka terhadap produk pembiayaan kenderaan secara Islam adalah tinggi dengan persepsi yang positif memandangkan produk tersebut beroperasi mematuhi Syariah.¹⁰ Namun begitu kajian juga mendapati bahawa produk tersebut tidak difahami dengan lebih mendalam oleh masyarakat dengan kata lain mereka hanya mengetahui kaedah asas yang digunakan sehinggakan sesetengahnya menganggapnya sama dengan produk konvensional. Hal ini tidak memeranjatkan kerana telah banyak penemuan dan rungutan di kalangan pengamal dan sarjana yang mengatakan produk tersebut mempunyai persamaan dengan sewa beli konvensional.¹¹ Sesetengah mereka tidak ambil kisah tentang aspek Syariah, yang mana menguntungkan dan menyenangkan mereka itulah yang akan menjadi pilihan terutamanya apabila melibatkan kadar keuntungan yang lebih rendah dan kelulusan yang mudah.¹²

Masalah ini juga berkait rapat dengan dokumentasi yang dikatakan disalin dari sistem konvensional dan kurangnya kerangka kerja Syariah.¹³ Kaedah AITAB contohnya dikatakan perlu mematuhi kontrak *ijārah* (sewaan) yang sebenar dalam Islam sebagaimana yang disarankan oleh ilmuan Islam. Bagaimana transaksi yang sepatutnya mengandungi dua akad yang utama dan berasingan ini iaitu *ijārah* dan jual beli dilaksanakan dalam operasi pembiayaan kenderaan yang industrinya berlangsung dengan cepat dengan

¹⁰ Asyraf Wajdi Dusuki, *Islamic Finance: An Old Skeleton in a Modern Dress* (Kuala Lumpur: ISRA, 2008), 192.

¹¹ *Ibid.*, 193-194. Masalah sikap dan pemahaman pelanggan terhadap produk pembiayaan ini berada di tempat pertama yang menjadi isu dan cabaran bagi pelaksanaan kemudahan ini. Lihat Nurdianawati Irwani Abdullah, "Islamic Hire Purchase in Malaysian Financial Institutions: a Comparative Analytical Study". (tesis kedoktoran, University Loughborough, United Kingdom, 2005), 202; Pernyataan ini diperkukuhkan dengan pendapat En. Amirul Hakim Abdullah, Ketua Jabatan Pembangunan Perniagaan Konsumer (Automobil), BMMB ibu pejabat yang mengatakan tahap kesedaran orang ramai terhadap produk ini masih lagi rendah hingga menganggap kedua-duanya mempunyai persamaan, walau bagaimanapun ia mendapat sambutan yang menggalakan di Negeri-negeri Pantai Timur, dalam temubual dengan penulis, 25 Mac 2013.

¹² Makhzan Hussein (Penolong Pengurus Besar, Pembiayaan Automobil, Kumpulan Perbankan Konsumer, BIMB Ibupejabat, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Julai 2012.

¹³ Rusni Hassan, Aishath Muneeza dan Adnan Yusoff, "Legal Stains in the Malaysian Islamic banking practices of *al Ijarah Thumma Al Bai*' (AITAB)" (kertas kerja, Annual London Business Research Conference, 11-12 Julai 2011), 5.

bilangan kes pembiayaan yang tinggi itu. Pada masa pengenalan pembiayaan kenderaan, industri ini didominasi oleh syarikat-syarikat kewangan yang menawarkannya secara konvensional dan mula beralih kepada sistem Islam ketika pengenalan SPTF 1993. Bagaimana pengaruh Akta Sewa Beli 1967 ke atas pembiayaan itu yang sesetengahnya tidak selaras dengan prinsip Syariah menjadi amalan dalam industri. Ketiadaan akta khusus bagi pembiayaan kenderaan secara Islam dan akta berkaitan muamalat Islam secara amnya dan bidangkuasa perbicaraannya terletak di bawah mahkamah sivil menyebabkannya dipengaruhi oleh amalan sivil yang tidak bertepatan dengan kehendak Syariah.¹⁴

Begitu juga halnya dengan kaedah BBA yang juga digunakan dalam pembiayaan kenderaan di sesetengah institusi perbankan Islam termasuk BIMB dan BMMB. Ia dikatakan mengandungi *bay' al-ṭinah* yang tidak diterima oleh ulama peringkat antarabangsa dan pernah diputuskan oleh mahkamah tempatan sebagai tidak sah. Namun perbincangan-perbincangan yang dilakukan tentang kaedah ini hanya melibatkan pembiayaan pembelian rumah yang terkenal melalui dokumen perjanjian belian dan jualan (Sale & Purchase agreement).¹⁵ Bagaimana halnya dengan pembiayaan kenderaan yang tidak banyak dibincangkan secara mendalam dan meluas, bagaimana operasi transaksinya adakah juga mengandungi *bay' al-ṭinah* sebagaimana dalam pembiayaan perumahan? Tanpa perbincangan yang mendalam akan mudah membawa tanggapan bahawa kesemua produk pembiayaan yang menggunakan kaedah BBA mengandungi unsur tadi yang boleh menyebabkan masyarakat kurang yakin dengan pembiayaan secara Islam itu sendiri.

¹⁴ Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam, *Islamic Banking: A Practical Perspective* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2008), 155; Rusni Hassan, Aishath Muneza dan Adnan Yusoff, "Legal Stains in the Malaysian Islamic banking practices of *al Ijarah Thumma Al Bai'* (AITAB), 5. Hal sedemikian tidak akan terjadi jika undang-undang Islam adalah menjadi *supreme law of the land* seperti di negara Islam lain seperti Iran, Sudan dan Saudi Arabia. Lihat Jasri Jamal dan Ruzian Markom, "Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Perlukah ke Mahkamah Syariah?" *Jurnal Hukum* 30 bhg. 2 (2010), 173.

¹⁵ Antara artikel yang membincangkan tentang perkara ini ialah Kekeliruan Terhadap Pembiayaan *Bai' Bithaman Ajil* di Malaysia oleh Noor Inayah Yaacob dan Hizri Hasshan, *The Law Review* 2007, Islamic Banking: Case Commentaries Involving al-Bay' Bithaman Ajil oleh Norhashimah Mohd Yasin *The Malayan Law Journal* 1997 dan Shariah and Legal Issues in the *Bay' Bithaman- Al-Ajil* (BBA): A Viewpoint oleh Nuarrual Hilal Md Dahlan dan Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader Al Junid, *The Malayan Law Journal* 2010.

Persoalan lain yang boleh ditimbulkan ialah mengapa ia masih digunakan oleh kedua-dua institusi itu dalam produk pembiayaan kenderaan sedangkan ia tidak banyak digunakan oleh institusi lain dan sesetengah produk pembiayaan lain yang menggunakan kaedah itu sebelumnya telah mula beralih kepada kaedah-kaedah lain.

Dalam usaha negara berhasrat menjadi pemimpin global dalam kewangan Islam melalui pengantarabangsaan kewangan Islam, sesetengah pihak menyarankan agar kebergantungan kepada kaedah-kaedah seperti BBA, murabahah dan *bay' al-ʿīnah* perlu dikurangkan dengan beralih kepada instrumen yang diterima ramai.¹⁶ Perubahan juga boleh dibuat dengan melakukan penambahbaikan ke atas instrumen tersebut dengan menghapuskan unsur-unsur kesamaran dan ketidaktentuan dalam dokumentasi, pembentukan kontrak dan operasinya. Pembiayaan kenderaan secara Islam juga adalah tidak berkecuali dari turut sama terlibat dan perlu mempunyai satu tahap piawaian yang tinggi berdasarkan garis panduan yang baik dan diterima di peringkat global. Seajar dengan perkembangan itu, ada baiknya pembiayaan kenderaan secara Islam di Malaysia yang kebanyakannya menggunakan kaedah-kaedah tadi dibuat penelitian supaya menepati piawaian utama yang ditetapkan terutamanya terhadap resolusi MPS BNM di peringkat nasional dan antarabangsa melalui AAOIFI.

Pembiayaan kenderaan kini telah menjadi agenda utama perniagaan dan ditawarkan oleh kebanyakan institusi perbankan dan kewangan yang ada pada hari ini kerana operasinya mudah, ringkas dan memberi pulangan tinggi dalam tempoh yang singkat. Industrinya melibatkan tiga pihak iaitu institusi kewangan dan perbankan, pihak pengedar kenderaan dan juga para pelanggan. Pihak-pihak berkenaan seperti institusi perbankan dan pengedar kenderaan mempunyai sasaran tertentu yang perlu dicapai sama ada dalam aspek jualan dan juga pendapatan dengan melipat gandakan usaha dan jumlah pelanggan yang perlu diperolehi. Pihak pengedar kenderaan memainkan peranan penting dan berpengaruh

¹⁶ Lihat D.Ruse, *The BBA Conundrum* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 2012), 102.

dalam industri ini kerana kebiasaannya merekalah yang mula-mula dikunjungi oleh pelanggan untuk urusan pembelian kenderaan.

Dalam keghairahan untuk meningkatkan jualan mereka sudah tentu akan mengabaikan hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat terutamanya para pelanggan. Promosi hebat yang dilakukan seperti tanpa bayaran muka, kadar keuntungan yang rendah dan sebagainya sering digunakan tanpa memikirkan kesan negatif kepada pelanggan. Kurangnya pengetahuan tentang konsep dan operasi pembiayaan kenderaan di kalangan pelanggan boleh membawa mereka teraniaya dan dieksploitasi oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Konsep dan operasi tersebut termasuklah modus operandi dari peringkat awal penawaran pembiayaan, terma dan syarat, skop dan jenis pembiayaan, aktiviti susulan dan kutipan, penarikan balik kenderaan dan juga tindakan undang-undang.

Penawaran pembiayaan kenderaan secara agresif tanpa berpandukan penilaian kredit yang tepat dan ketat boleh membawa kesan buruk dalam jangka masa panjang ke atas kestabilan institusi perbankan dan kewangan Islam itu sendiri. Masalah peningkatan hutang pembiayaan tidak berbayar (*non performing financing*) sering berlaku kesan dari penawaran pembiayaan kenderaan yang terlalu agresif. Jika ini berlarutan, ia biasanya terpaksa diatasi melalui proses hapus kira (*written off*) dengan menyediakan peruntukan tertentu dari keuntungan bank atau juga melalui usaha meningkatkan pengeluaran wang (*disbursement*) pembiayaan baru bagi mengimbangi kadar *npf* yang meningkat. Ia merupakan pilihan terakhir setelah usaha penyelesaian melalui aktiviti susulan, pendekatan penjadualan semula pembiayaan dan tindakan undang-undang mengalami jalan buntu. Keadaan ini semua boleh membawa perubahan dalam halatuju pembiayaan kenderaan oleh pihak pengurusan institusi perbankan Islam berkenaan. Bagaimana pelaksanaan garis panduan baru BNM yang lebih ketat baru-baru ini¹⁷ yang mengambilkira

¹⁷ Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Datuk Seri Wahid Omar, Pengenalan Garis Panduan Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab pada awal tahun 2012 oleh BNM dilihat sebagai langkah

pendapatan pelanggan berdasarkan pendapatan bersih dapat membantu mengatasi masalah ini dan memberi kesan kepada industri pembiayaan kenderaan dan penjualan kenderaan.¹⁸ Ia dilihat agak sesuai dilaksanakan dalam situasi peningkatan hutang isi rumah negara dan peratusan yang tinggi kes muflis melibatkan hutang kenderaan di institusi perbankan.¹⁹ Pengalaman yang dilalui oleh negara-negara Eropah akibat dari hutang isirumah yang tinggi telah membawa kepada ketidakseimbangan terhadap kestabilan ekonomi negara. Sejarar dengan itu, apakah pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh institusi perbankan Islam bagi mengawal masalah ini dalam pembiayaan kenderaan yang boleh diteliti melalui konsep dan operasi yang dilaksanakan.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dinyatakan di atas dan kesannya terhadap pelanggan, institusi perbankan itu sendiri dan negara keseluruhannya maka pemahaman yang lebih mendalam terhadap konsep pembiayaan kenderaan secara Islam dan operasinya perlu diketengahkan kepada masyarakat. Ini bertujuan supaya dapat meyakinkan orang ramai untuk memilih pembiayaan secara Islam dan mengelak tanggapan negatif bahawa ia menyamai pembiayaan secara konvensional, mengetahui hak dan tanggungjawab dalam pengurusan pembiayaan kenderaan mereka agar tidak dianiaya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab serta memastikan keseimbangan ekonomi negara agar tidak mengalami krisis hutang yang tidak terkawal. Kajian difokuskan kepada BIMB dan BMMB bagi melihat sejauh mana pembiayaan ini dijalankan memandangkan kedua-duanya merupakan

awal terbaik untuk mengawal peningkatan hutang isi rumah bagi menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu. "Perketat pembiayaan langkah kawal hutang," *Utusan Malaysia*, 23 November 2011, 19.

¹⁸ Antara kesan awal dari pelaksanaan garis panduan sewa beli baru oleh BNM ialah proses pembelian kereta mengambil masa lebih lama berbanding sebelumnya, penurunan jumlah jualan dan kehilangan sumber pendapatan bagi wakil jualan dan pengedar kenderaan. Lihat "PERODUA minta proses beli kereta dipercepatkan," *BH*, 30 April 2012, E2; "Penjual kereta boleh gulung tikar," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12. Bagi mengatasi masalah tersebut sesetengah syarikat pengeluar kereta nasional seperti Eon dan Perodua cuba memperkenalkan skim pajakan kenderaan. Lihat "EON perkenal skim pajakan kenderaan," *Berita Harian*, 28 Februari 2012, E1; "PERODUA pertimbang skim pajakan individu," *Berita Harian*, 5 Mac 2012, E1.

¹⁹ Menurut Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, penama pembiayaan sewa beli kenderaan paling ramai diisytiharkan muflis kerana kebanyakan mereka berpendapatan rendah tetapi ingin memiliki kenderaan tidak setara dengan pendapatan masing-masing. "Hutang kereta paling ramai diisytihar muflis," *Berita Harian*, 7 Disember 2011, 14.

institusi perbankan Islam terawal dan beroperasi secara penuh tanpa terikat dengan institusi perbankan induk konvensional. Di samping itu ia juga dapat menentukan kedudukan pembiayaan ini dalam konteks institusi itu sendiri dan sistem perbankan Islam di Malaysia secara keseluruhannya.

1.3 Objektif Penyelidikan

Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah;

- i. Mengkaji kedudukan dan kerangka asas pembiayaan kenderaan secara Islam dalam konteks sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia.
- ii. Mengkaji dan menjelaskan konsep dan operasi kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam di Bank Islam (M) Berhad.
- iii. Mengkaji dan menjelaskan konsep dan operasi kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam di Bank Muamalat (M) Berhad.
- iv. Menganalisis perbandingan tentang konsep dan operasi pembiayaan kenderaan secara Islam antara Bank Islam (M) Berhad dan Bank Muamalat (M) Berhad.

1.4 Definisi Tajuk

Tajuk yang dipilih dalam kajian ini ialah “Pembiayaan Kenderaan Secara Islam: Kajian Perbandingan Konsep dan Operasinya Di Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.” Pembiayaan Kenderaan Secara Islam yang menggunakan kontrak-kontrak Islam kontemporari seperti BBA dan AITAB telah meluas digunakan dalam kemudahan pembiayaan kenderaan kini. Konsep-konsep tersebut merupakan yang utama dalam kontrak pembiayaan tetapi menggabungkan konsep-konsep pelengkap yang lain bagi penyesuaian kepada keperluan semasa dan kehendak Syariah. Bagi versi BBA yang dipakai di negara ini contohnya pernah menjadi kontroversi di kalangan ulama di luar

negara terutamanya di Timur Tengah kerana dikatakan mengandungi *bay' al-ṭmah* yang tidak diharuskan penggunaannya. Tajuk ini meliputi keseluruhan aspek pembiayaan kenderaan secara Islam dari peringkat awal termasuklah proses penawaran dan kelulusan, terma dan syarat pembiayaan, skop dan kategori penawaran kemudahan, konsep yang digunakan, modus operandi pembiayaan hinggalah kepada aktiviti susulan dan kutipan.

Kajian perbandingan antara kedua-dua buah institusi perbankan Islam seperti BIMB dan BMMB ini adalah wajar memandangkan kedua-duanya masing-masing merupakan institusi perbankan Islam pelopor dan kedua negara yang beroperasi secara menyeluruh dalam semua aktiviti perbankannya tanpa terikat dengan kumpulan perbankan konvensional induk (parent company) ataupun beroperasi di bawah konsep *window*. Penglibatannya dalam industri perbankan Islam dalam negara untuk tempoh yang lebih lama berbanding dengan institusi yang lain juga diambil kira bagi menilai dan mengkaji pelaksanaan terbaik dalam aspek-aspek tadi, perkembangan dan pencapaian yang diperolehi dalam konteks pembiayaan kenderaan secara Islam.

1.5 Skop dan Batasan Penyelidikan

Kajian dimulakan dengan mengetahui kedudukan pembiayaan kenderaan Islam secara umum yang beroperasi di dalam negara melalui perkembangan sistem perbankan Islam yang lebih luas melibatkan institusi perbankan konvensional dan syarikat kewangan di bawah SPTF dan SPI. Di samping itu dibincangkan juga tentang konsep-konsep utama yang digunakan, perbezaannya dengan pembiayaan konvensional dan kedudukannya dalam konteks perundangan dan kehakiman negara melalui akta-akta yang ada.

Setelah mendapat gambaran secara umum tentang pembiayaan kenderaan secara Islam di dalam negara yang dibincangkan secara umum, kajian diteruskan dengan menumpukan kepada pembiayaan kenderaan secara Islam yang dijalankan di BIMB dan BMMB yang dibuat secara umum iaitu tidak mengkhususkan kepada satu-satu cawangan,

jabatan ataupun unit tertentu di kedua-dua institusi perbankan berkenaan. Walaupun tidak membuat pengkhususan bagi sesuatu tempat, kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek-aspek operasi yang merangkumi penawaran kemudahan, terma dan syarat, modus operandi pembiayaan dan kutipan sehinggalah ke peringkat penyelesaian pembiayaan. Ini termasuklah dasar atau polisi yang ditetapkan oleh pihak pengurusan dan juga garis panduan yang telah ditetapkan oleh BNM yang mempengaruhi amalan dan pendekatan pembiayaan yang dijalankan oleh kedua-duanya.

Oleh itu maklumat dan fakta berkaitan dengannya banyak diperolehi melalui laporan-laporan tahunan dan temubual dengan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan operasi pembiayaan kenderaan sama ada di peringkat cawangan mahupun di peringkat ibu pejabat di samping mendasari sumber-sumber utama hukum muamalat Islam, pandangan ulama muktabar dan terkemudian serta resolusi dan piawaian Islam berkaitan. Maklumat-maklumat yang diperolehi melalui sumber-sumber tersebut adalah memadai bagi menggambarkan dan menilai pelaksanaan operasi pembiayaan kenderaan keseluruhannya oleh kedua-dua institusi tersebut. Pembiayaan kenderaan yang dibincangkan ini lebih tertumpu kepada pembiayaan kenderaan baru penumpang yang dijadikan tumpuan perniagaan oleh kebanyakan institusi perbankan pada hari ini. Ia termasuk dalam segmen perbankan pengguna (consumer banking) yang mempunyai kedudukan penting sebagai teras utama kepada sesebuah institusi perbankan.

Keseluruhan maklumat dan fakta yang diperolehi secara umum di awal kajian dan lebih khusus di peringkat seterusnya melibatkan kedua-dua institusi BIMB dan BMMB akan dibuat penganalisan dan perbandingan bagi menentukan kaedah dan pelaksanaan terbaik bagi pembiayaan kenderaan secara Islam dalam konteks perbankan Islam di dalam negara. Ia juga bakal menemukan kelebihan dan kekurangan yang ada serta akan dikemukakan saranan-saranan tertentu untuk penambahbaikan ke atas konsep dan operasi

sedia ada di samping memberi pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat tentang pembiayaan kenderaan secara Islam.

1.6 Kepentingan Penyelidikan

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu seperti masyarakat umum terutamanya yang melanggan pembiayaan kenderaan, institusi kewangan dan perbankan terbabit itu sendiri atau lainnya, badan pengawal selia perbankan dan kewangan Islam seperti BNM dan juga badan-badan perundangan dan kehakiman. Masyarakat boleh meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka dengan lebih mendalam terhadap konsep-konsep Islam yang digunakan dalam pembiayaan kenderaan supaya mereka lebih yakin dengan produk-produk pembiayaan tersebut yang ditawarkan dalam pasaran. Pendedahan dan penjelasan sebenar tentang operasi pembiayaan kenderaan yang dijalankan oleh BIMB dan BMMB juga membolehkan penilaian yang tepat dapat dilakukan dan hak dan tanggungjawab mereka diketahui agar tidak mudah dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu. Di samping itu, ia dapat menonjolkan kelebihan dan kebaikan yang ada dalam produk pembiayaan kenderaan secara Islam dengan mengemukakan persamaan dan perbezaan dengan apa yang terdapat dalam pembiayaan kenderaan secara konvensional yang mana tidak banyak diketahui oleh masyarakat disebabkan operasi pembiayaan tersebut berlangsung dengan mudah, ringkas dan cepat. Seterusnya dalam situasi semasa di mana pembiayaan kenderaan merupakan penyumbang terbesar dalam peratusan kes-kes muflis dalam negara, penjelasan dan pendedahan kepada masyarakat berhubung konsep dan operasi pembiayaan yang dijalankan dilihat sesuatu yang amat diperlukan.

Kajian ini juga dapat membantu kedua-dua institusi terbabit mengetahui kedudukan, perkembangan dan pencapaian masing-masing khususnya dalam pembiayaan

kenderaan dalam konteks pembiayaan kenderaan dalam sektor perbankan Islam keseluruhannya terutamanya yang melibatkan konsep dan operasi dengan melihat kepada kelebihan dan kekurangan yang ada untuk dibuat penambahbaikan. Di samping itu, ia juga dapat memperkemaskan kaedah-kaedah yang digunakan berpandukan piawaian-piawaian tertentu yang ditetapkan seperti garis panduan BNM, Resolusi MPS dan piawaian AAOIFI. Institusi-institusi yang lain juga boleh mendapat pendedahan tentang pengalaman kedua-dua institusi ini dalam menawarkan pembiayaan kenderaan kepada orang ramai dengan menyelusuri sejarah penawaran, kaedah yang digunakan, skop dan terma pembiayaan, struktur operasi, aktiviti susulan dan pemulihan dan juga prospek dan perkembangannya pada masa akan datang.

Seterusnya badan pengawal selia kewangan seperti BNM juga boleh membuat pemantauan dan penilaian ke atas institusi perbankan terbabit terhadap operasi yang dijalankan, perkembangan dan pencapaian serta masalah yang dihadapi dalam memastikan mereka mematuhi piawaian dan garis panduan yang dikeluarkan termasuklah dalam menggunakan kaedah-kaedah pembiayaan yang selaras dengan kehendak syarak. BNM dan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan juga boleh memperolehi input-input yang bermanfaat dalam situasi semasa yang berlaku untuk keperluan dan kesesuaian industri itu sendiri melalui polisi dan dasar yang dirangka berkaitan pembiayaan kenderaan. Akhir sekali dapatan dalam kajian ini boleh membantu institusi perundangan dan kehakiman meningkatkan pemahaman dan kepakaran mereka berkaitan pembiayaan ini terutamanya dalam menambahbaik akta berkaitan dan pertimbangan penyelesaian kes-kes yang timbul yang kesemuanya ini ke arah memantapkan sistem perbankan dan kewangan Islam negara sejajar dengan usaha ke arah pengantarabangsaan kewangan Islam ke peringkat global.

1.7 Ulasan Penyelidikan Lepas

Antara buku dan penulisan berkaitan pembiayaan kenderaan secara Islam yang telah ada dan ditemui oleh penulis adalah seperti berikut;

- i. Islamic Hire-Purchase: Ijarah Thumma al-Bai‘ (AITAB): The Handbook oleh Razli Ramli dan Hasleenda Onn (2007). Buku ini menerangkan tentang operasi pembiayaan sewa beli Islam yang menggunakan kaedah AITAB bagi barangan pengguna termasuklah kenderaan yang diterangkan secara umum dalam industri pembiayaan di institusi perbankan dan kewangan Malaysia. Konsep AITAB dijelaskan dari sudut perspektif Islam, penggunaannya dalam konteks Malaysia termasuk dalam kerangka perundangan semasa, ciri-ciri yang terdapat dalam produk AITAB yang ditawarkan, kedudukan penjamin, keperluan dokumentasi, penilaian kredit, cara pengiraan pembiayaan termasuk sewa bulanan, harga jualan dan keuntungan, penyelesaian awal dan gantirugi, kaedah perakaunan, penarikan balik kenderaan dan prosedur kutipan dan pemulihan. Buku ini menyentuh operasi pembiayaan AITAB secara umum yang berlaku di dalam negara dengan tidak mengkhususkan ke atas satu-satu institusi perbankan yang menawarkannya. Ia juga tidak menyentuh perbincangan tentang kaedah-kaedah lain seperti BBA, *murābahah* dan sebagainya yang digunakan dalam pembiayaan kenderaan.
- ii. Islamic Hire-Purchase Transaction oleh ‘Abdullah Omar Hama (2007) iaitu sebuah disertasi sarjana Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengkaji tentang kedudukan transaksi sewa beli secara Islam yang dipraktikkan sekarang dari segi kesahannya dan membuat perbandingan dengan kontrak *ijārah* yang sebenar iaitu dengan mengutarakan perbezaan dan persamaan antara keduanya. Kajian yang menggunakan kaedah perbandingan dan analisis ini menyentuh isu-isu yang terdapat dalam sewa beli Islam yang dibincangkan

secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan kuat ulama terdahulu dan masakini serta mengenalpasti aspek-aspek yang selaras dengan Syariah atau sebaliknya. Dalam kajiannya juga dibincangkan tentang kecekapan sewa beli Islam yang digunakan sebagai kaedah pembiayaan dan membandingkannya dengan kaedah-kaedah Islam yang sama tujuannya seperti *murābahah*, *bay' al-taqsīt* dan *mushārahah mutanāqīshah*. Kajian ini juga tidak mengkhususkan ke atas mana-mana institusi perbankan dan kewangan Islam yang menawarkan kemudahan pembiayaan tersebut termasuklah operasi pembiayaan yang dijalankan.

- iii. *Islamic Hire-Purchase in Malaysian Financial Institutions: A Comparative Analytical Study* (2005) oleh Nurdiyanawati Irwani Abdullah sebuah tesis doktor falsafah Universiti Loughborough. Kajian ini meneliti operasi sewa beli Islam dan kerangka perundangan yang berlaku di Malaysia. Melalui penilaian dan analisis yang dibuat, ia dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang ada berkaitan Akta Sewa Beli 1967 dan bagaimana Bil Muamalat Sewa Beli yang baru dicadangkan pada masa itu dapat menyelesaikan beberapa halangan yang dihadapi serta bertindak sebagai alternatif kepada akta sedia ada. Bagi menentukan pemahaman dan persepsi masyarakat terhadap operasi yang berlaku dalam sewa beli Islam, kaedah temubual dan kajian soalselidik dilakukan terhadap mereka berkeelayakan dan pelanggan yang terlibat. Kedua-dua kaedah secara teori melalui perbincangan kualitatif dan soalselidik kuantitatif yang dilakukan akhirnya menemukan sesuatu yang perlu kepada penilaian semula ke atas sistem pengawasan AITAB di Malaysia iaitu dengan memasukkan prinsip-prinsip Syariah dalam akta sewa beli sedia ada. Kajian ini juga hanya tertumpu bagi pembiayaan kenderaan secara AITAB sahaja dan

tidak menyentuh kaedah-kaedah lain yang digunakan atau mana-mana institusi perbankan yang menawarkannya.

- iv. Right of Hirer under the Hire-Purchase Act 1967 (2000) oleh Azita Younus @ Ahmad iaitu satu disertasi sarjana undang-undang perbandingan UIAM. Kajian ini membincangkan tentang hak-hak penyewa yang sering diabaikan dan dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu yang perlu diberi perhatian dengan merujuk kepada peruntukan yang terdapat dalam Akta Sewa Beli 1967. Hak-hak tersebut merangkumi hak-hak sebelum, semasa dan selepas kontrak dilakukan, hak-hak berkaitan dengan penarikan balik kenderaan dan juga hak-hak penyewa dari segi perspektif Islam. Kajian ini dibuat bagi menilai dan menganalisa sama ada akta sedia ada tersebut sudah mencukupi untuk melindungi hak-hak penyewa seterusnya mengemukakan beberapa saranan yang sesuai bagi mengatasi permasalahan yang wujud. Hasil kajiannya, pengkaji mendapati sesetengahnya adalah selaras dengan kehendak Islam dan ada juga yang sebaliknya dan mencadangkan agar perlu ada pindaan dan penambahan ke atas akta tersebut bagi memberi perlindungan sewajarnya kepada penyewa.
- v. Mekanisme *al-Murābahah* dan *al-Bay' Bi-thaman Ājil* (BBA) Dalam Sistem Pembiayaan Di Bank Islam Malaysia Berhad (2001) oleh Mazran Mohd Nazim iaitu disertasi sarjana Syariah Ekonomi, Universiti Malaya yang mengkaji dua konsep utama iaitu *murābahah* dan BBA yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan dan amalannya dalam operasi pembiayaan di BIMB mengikut perspektif Islam. Walaupun menyentuh secara lebih menyeluruh tentang konsep tersebut namun ia tidak menerangkan secara khusus terhadap sesuatu produk tertentu termasuklah pembiayaan kenderaan. Begitu juga dengan “Pembiayaan Hutang Dalam Kewangan Islam: Amalan Di Bank Islam Malaysia Berhad”

(2004) oleh Sharifah Faigah Syed Alwi dan “Produk-produk Perbankan Islam Di Ibupejabat Bank Islam Malaysia Berhad” (2003) oleh Fadhlul Rahman Azizan yang kedua-duanya merupakan disertasi peringkat sarjana Syariah, Universiti Malaya.

- vi. Begitu juga dengan kajian secara umum bertajuk “Produk Bay‘ Bithaman Ajil (BBA) Dalam Bank Muamalat Malaysia Berhad Kuala Lumpur” (2003) oleh Wan Mohd Nazman Wan Mahmud dan “Pembiayaan Hutang: Kajian Perbandingan Di Bank Muamalat Malaysia Berhad” (2003) oleh Muhd Awaluddin A. Razad yang kedua-duanya merupakan disertasi peringkat sarjana Syariah Ekonomi Universiti Malaya.
- vii. Sementara itu terdapat beberapa kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar seperti *Legal Stains in the Malaysian Islamic banking practices of al Ijārah Thumma Al Bai‘* (AITAB) 2011 oleh Rusni Hassan, Aishath Muneeza dan Adnan Yusoff²⁰ dan juga *Legal Documentation in Consumer Banking: Ijarah and AITAB Financing* (2004) oleh Lukman Sheriff Alias.²¹ Kertas kerja seminar yang pertama tersebut menumpukan kajian berhubung masalah perundangan yang dihadapi oleh pelaksanaan AITAB di Malaysia. Antara permasalahan yang dikemukakan ialah dokumentasinya yang menyerupai pembiayaan konvensional dan kekurangan kerangka Syariah, kefahaman pelanggan tentang akad, ketiadaan akta khusus yang mengawalinya dan bidangkuasa kehakimannya terletak di bawah mahkamah sivil. Manakala kertas kerja yang kedua menumpukan perbincangan tentang dokumentasi perundangan yang berkaitan dengan pembiayaan *ijārah* dan AITAB yang ada dalam sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia.

²⁰ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Annual London Business Research Conference 2011, London, United Kingdom pada 11-12 Julai 2011.

²¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Course on Legal Documentation for Islamic Financing, di Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur pada 15-16 Jun 2004.

Menurutnya, ketiadaan akta tertentu yang mengatur urusan sewa beli Islam menyebabkan semua urusan sewa beli tertakluk kepada HP Act 1967 dan definisi perjanjiannya disebutkan dalam seksyen 2 yang tidak membezakan antara yang Islam dan sebaliknya. Dokumen perundangan bagi sewa beli Islam pada masa itu dirangka bagi penyesuaian kepada Akta Sewa Beli 1967 dalam beberapa perkara seperti harganya mengandungi sejumlah kadar keuntungan tertentu sebagai ganti kepada caj bertempoh (interest) yang dikenakan dalam sistem konvensional dan transaksinya berlaku dalam satu perjanjian sahaja merangkumi sewaan dan pemilikan/jualan di akhir pembayaran ansuran. Draf baru Bil Sewa-Beli Islam yang dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada masa itu diharapkan dapat menyelesaikan kekurangan peruntukan undang-undang sedia ada dalam pelaksanaan sewa-beli yang selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.

- viii. Di samping itu juga terdapat beberapa kertas kerja yang dibentangkan di peringkat awal pengenalannya dalam Persidangan Akademi Fiqh Antarabangsa 1988 di Jeddah tetapi maklumat yang diberikan adalah tidak mencukupi iaitu *al-ta'jir al-muntahī bi al-tamlīk wa al-ṣuwar al-mashrū'ah fih* oleh 'Abdullah M. 'Abdullah, *al-'ījar al-muntahī bi al-tamlīk* oleh Hassan Ali Shādhilī, *al-'ījar alladhī yantahī bi al-tamlīk* oleh 'Abdullah Al-Sheikh Al-Mahfuz Ibn Beh, *al-ijāra bi al-sharṭ al-tamlīk wa al-wafā' bi al-wa'd* oleh Muhammad 'Alī Al-Taskhīrī dan *al-ta'jir al-muntahī bi al-tamlīk* oleh 'Abdullah Ibrahim.²²
- ix. Terdapat juga dokumen yang berkaitan kajian ini berbentuk laporan iaitu Laporan Jawatankuasa Pemandu Peringkat Kebangsaan Menggubal Kaedah Pembiayaan Kenderaan dan Perumahan Kerajaan Mengikut Lunas-lunas Islam

²² 'Abdullah Omar Hama, "Islamic Hire-Purchase Transaction" (disertasi sarjana, Kulliyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, 2007), 3.

(1986) dan Laporan Jawatankuasa Ad-Hoc Meneliti Cadangan Meminda Skim Pinjaman Perumahan dan Kenderaan Kerajaan (1984) kedua-dua oleh Jabatan Perdana Menteri.

Kebanyakan kajian-kajian terdahulu sebagaimana yang dibincangkan di atas dipersembahkan secara umum, lebih tertumpu kepada kaedah AITAB dan tidak banyak menyentuh tentang BBA. Kajian-kajian tersebut juga tidak mengkaji secara khusus tentang produk pembiayaan kenderaan yang terdapat di BIMB dan BMMB malah tidak terdapatpun kajian perbandingan antara dua buah bank Islam khususnya melibatkan konsep dan operasi pembiayaan.

1.8 Metodologi Penyelidikan

Sesuai dengan penyelidikan yang dibuat secara perbandingan berhubung konsep dan operasi pembiayaan, metodologi yang digunakan dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya berpandukan maklumat dan data yang tepat terutamanya dari kedua-dua institusi terbabit. Di peringkat awalnya, penyelidikan dilakukan dengan memperolehi maklumat berkaitan pembiayaan kenderaan Islam secara umum sebagai kerangka asas dengan mengambil kira teori pembiayaan secara Islam, sejarah dan perkembangan semasa yang berlaku dalam industri terbabit sebelum menjurus kepada subjek kajian yang sebenar. Secara keseluruhannya, ia terdiri daripada dua metode utama yang digunakan iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Metode pengumpulan data diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan berdasarkan sumber-sumber data primari dan sekunder yang berautoriti. Penyelidikan perpustakaan adalah bersumberkan kitab-kitab *turāth*, buku, makalah, jurnal, latihan ilmiah, kertas kerja, dokumen, majalah, surat khabar, akta, laman sesawang dan laporan tahunan dan kewangan institusi terbabit

dan juga BNM. Untuk tujuan itu pengkaji telah melawati beberapa buah perpustakaan di sekitar lembah Klang dan sekitar Kota Bharu iaitu;

- i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Peringatan Zaba, Universiti Malaya.
- iv. Perpustakaan Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.
- v. Pusat Pengurusan Maklumat, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Kuala Lumpur.
- vi. Pusat Pengurusan Maklumat, Bank Negara Malaysia.
- vii. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- viii. Perpustakaan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Damansara Height.
- ix. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- x. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilampuri, Kota Bharu.
- xi. Perpustakaan Awam Kelantan, Kota Bharu.
- xii. Perpustakaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Kompleks Balai Islam, Kota Bharu.
- xiii. Perpustakaan Awam Islam Nur al-Zahra, Kota Bharu.

Bagi penyelidikan lapangan pula, ia melibatkan sesi temubual dengan beberapa orang kakitangan institusi perbankan yang dikaji sekurang-kurangnya empat orang bagi setiap institusi yang terdiri daripada para pegawai peringkat pertengahan dan atasan yang terlibat secara langsung dengan operasi pembiayaan kenderaan di institusi masing-masing. Ini termasuklah pegawai pembiayaan dan pegawai susulan yang berada di peringkat cawangan atau region, pegawai atau pengurus unit pematuhan Syariah dan juga ketua atau

penolong pengurus besar bagi pembiayaan kenderaan di peringkat ibu pejabat. Kedua-duanya merupakan peringkat pelaksana dan pembuat dasar bagi operasi pembiayaan kenderaan masing-masing yang boleh diyakini dan menjadi antara sumber data primari yang penting. Pemilihan kakitangan tersebut yang dibuat berdasarkan kepakaran dalam bidang masing-masing dan jumlahnya adalah mencukupi bagi meneliti keseluruhan aspek yang dikaji melibatkan konsep dan operasi pembiayaan. Maklumat yang diperolehi secara tepat dan lebih mendalam ini dapat diketengahkan kepada masyarakat bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang produk pembiayaan secara Islam agar mereka tidak terlalu terpengaruh dengan tanggapan negatif yang wujud. Penulis bertandang sendiri ke premis mereka untuk ditemubual menggunakan kaedah temubual separa-berstruktur dan temubual berstruktur dengan mengemukakan soalan-soalan berasaskan tema yang telah dikenalpasti dan tersusun. Gabungan kedua-dua kaedah ini dibuat bertujuan mendapat penjelasan secara menyeluruh tentang konsep dan operasi yang berlaku. Ada di antara sesi temubual tersebut dilakukan melebihi satu kali terhadap informan yang sama untuk mendapat penjelasan dan pengesahan yang menyakinkan ataupun jika wujudnya perbezaan fakta atau maklumat yang diperolehi. Berikut adalah senarai nama para pegawai terbabit di kedua-dua institusi BIMB dan BMMB;

- i. En. Makhzan Hussein, Penolong Pengurus Besar, Pembiayaan Automobil, Kumpulan Perbankan Konsumer, BIMB ibu pejabat, Kuala Lumpur.
- ii. En. Khairi Mohamed, Pengurus Unit Pematuhan Risiko, Pembiayaan Automobil, Kumpulan Perbankan Konsumer, BIMB ibu pejabat, Kuala Lumpur.
- iii. En. Mohd Anuar Hassan, Pegawai Eksekutif, Pusat Pembiayaan Automobil BIMB, Kubang Kerian, Kelantan.

- iv. En. Saharudin Abdul Rahman, Pegawai Eksekutif, Seksyen Kutipan dan Pemulihan, Pembiayaan Automobil BIMB, Kubang Kerian, Kelantan.
- v. En. Amirul Hakim Abdullah, Ketua Jabatan Pembangunan Perniagaan Konsumer (Automobil), BMMB ibu pejabat, Kuala Lumpur.
- vi. Us. Hazrul Rashid, Penolong Pengurus, Seksyen Penilaian Syariah, Jabatan Pematuhan, BMMB ibu pejabat, Kuala Lumpur.
- vii. En. Wan Rashidee Sabree Wan Alauden, Eksekutif Jualan Konsumer (pembiayaan kenderaan), BMMB cawangan Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan.
- viii. En. Zuraiman Zahari, Penolong Pengurus, Pusat Pemantauan Kutipan dan Pemulihan (MCRC) Zon Timur BMMB, Kota Bharu, Kelantan.

Manakala metode analisis data pula ialah proses penganalisan maklumat dibuat melalui pengkajian yang teliti dan diperhalusi yang juga menggunakan kaedah kualitatif sama seperti metode pengumpulan data di atas. Proses penganalisan ini terdiri dari tiga kaedah utama iaitu;

i. Kaedah Induktif

Kaedah atau cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian atau kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan umum yang bersifat sejagat. Ia boleh digunakan dengan cara menumpukan beberapa istilah yang digunakan untuk menerangkan maksud dan intipati istilah tersebut seterusnya dapat digunakan untuk membuat kesimpulan secara umum, juga dengan cara mengemukakan penjelasan dan penyelesaian tentang konsep dan operasi pembiayaan yang terdapat di kedua-dua institusi ini melalui perbincangan topik-topik kecil secara satu persatu sebagaimana yang

terdapat dalam bab tiga dan empat. Pendekatan-pendekatan khusus yang diambil oleh pihak institusi perbankan dalam pembiayaan kenderaan mereka memberikan kesimpulan umum tentang sesuatu pendekatan umum yang dilakukan dalam industri tersebut secara keseluruhannya.

ii. Kaedah Deduktif

Cara menganalisis dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir bagi mencari pembuktian yang berasaskan dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus. Metode ini digunakan dalam usaha pengkaji menganalisa data yang menjadi objek penyelidikan dan penelitian. Antaranya ialah teori pembiayaan secara Islam yang lebih menekankan keadilan, kemaslahatan, perkongsian risiko dengan mengetepikan unsur kesamaran dan penyamaran kepada riba berlainan dengan pembiayaan konvensional diuraikan dalam bab dua. Begitu juga dengan konsep umum BBA dan AITAB yang dijelaskan dalam bab-bab seterusnya digunakan sebagai dalil ke arah menghasilkan isi-isi yang khusus dalam kaedah yang digunakan. Seterusnya, dasar pengawal selia kewangan BNM secara menyeluruh yang telah menggariskan polisi lebih ketat ke atas operasi pembiayaan kenderaan ekoran dari peningkatan hutang isi rumah demi kemaslahatan negara dan rakyat, juga pemakaian sesetengah kaedah pembiayaan secara Islam dihadkan dengan syarat-syarat tertentu supaya bertepatan dengan kehendak syarak dan diterima ramai yang mempengaruhi institusi perbankan yang menawarkannya dan juga para pelanggannya.

iii. Kaedah Komparatif

Cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan secara adil terhadap beberapa data dan maklumat yang diperolehi dalam masa kajian

dilakukan contohnya sejarah penawaran, kaedah utama yang digunakan, modus operandi dan operasi, struktur asas penawaran dan juga aktiviti kutipan dan pemulihan. Perbandingan pembiayaan di antara kedua institusi yang dibincangkan dalam bab lima itu juga menyentuh perkembangan terkini dan prospek pembiayaan dengan merujuk kepada laporan tahunan dan maklumat berkaitan. Untuk tujuan tersebut maklumat diperolehi adalah sehingga kepada penutupan tahun kewangan BIMB bagi tahun 2012 yang berakhir pada bulan Disember dan tahun 2013 bagi BMMB yang berakhir pada Mac. Ia diambil sebagai asas penelitian kerana jarak tempoh perbezaannya tidak terlalu jauh walaupun melibatkan tahun yang berlainan. Seterusnya perbandingan juga dibuat untuk melihat kelebihan dan kekurangan yang ada bertujuan mencari kaedah dan penyelesaian terbaik di antara keduanya dalam operasi pembiayaan ini. Institusi perbankan awal Islam yang beroperasi secara *full pledge* seperti BIMB dan BMMB dilihat mempunyai sandaran yang kukuh untuk dijadikan panduan dan rujukan utama kepada pembiayaan kenderaan secara Islam ini.

Tambahan pula kedua-duanya berada dalam industri perbankan Islam lebih lama berbanding yang lain adalah entiti Islam tersendiri yang bukan anak syarikat (subsidiari Islam) kepada kumpulan induk perbankan konvensional yang muncul dari perubahan SPTF dan SPI yang dikenali dengan perbankan *window* sebelum ini. Sejauh mana konsep, operasi yang dijalankan dan perkembangannya selaras dengan kehendak syarak serta mematuhi resolusi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti BNM melalui Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan dan piawaian-piawaian antarabangsa. Pematuhan kepada piawaian yang lebih baik terutamanya piawaian antarabangsa adalah sejajar dengan dasar pengantarabangsaan kewangan Islam dalam Pelan Kewangan Islam BNM yang dilancarkan pada tahun 2011 yang lepas.

1.9 Susunan Penulisan

Kajian ini mengandungi lima bab kesemuanya, bab satu merupakan bab pendahuluan yang menerangkan tentang perkara-perkara asas kepada pengenalan kajian ini seperti latar belakang masalah kajian, objektif dan kepentingan kajian, definisi tajuk, ulasan kajian lepas dan metodologi kajian yang digunakan. Bab dua menjelaskan konsep umum pembiayaan dalam Islam, disusuli dengan pembiayaan kenderaan secara Islam yang beroperasi di dalam negara, sejarah dan perkembangannya, perbezaannya dan kelebihanannya berbanding dengan sistem konvensional dan juga akta perundangan yang berkaitan dengannya.

Bab tiga pula menerangkan dengan lebih khusus tentang konsep pembiayaan kenderaan secara Islam yang digunakan di BIMB yang berasaskan BBA dengan merujuk kepada latar belakang institusi berkenaan, konsep asas jual beli, hubungannya dengan kontrak-kontrak lain, penggunaan konsep tersebut secara menyeluruh, sejarah dan perkembangan pembiayaan kenderaan, skop dan terma pembiayaan, modus operasi pembiayaan dan cabaran-cabaran yang dihadapi. Bab empat pula menghuraikan perkara yang sama dengan bab tiga namun ia merujuk kepada penggunaannya di BMMB yang menggunakan dua kaedah iaitu AITAB dan BBA. Konsep AITAB diterangkan dengan terperinci kerana belum dijelaskan sebelum itu berbanding BBA. Penjelasan terhadap aspek yang sama dengan bab empat bertujuan membuat perbandingan berkenaan dengan pembiayaan kenderaan di antara kedua-dua institusi berkenaan. Seterusnya dalam bab terakhir, analisis keseluruhan dibuat tentang perbandingan konsep dan operasi di antara kedua-duanya dalam perkara-perkara seperti sejarah penawaran, kaedah yang digunakan, skop dan terma, struktur operasi, aktiviti kutipan dan pemulihan dan prospek perkembangannya yang akhirnya disertakan cadangan dan saranan ke arah penambahbaikan.

1.10 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dibuat di atas terutamanya melibatkan isu-isu yang terdapat dalam permasalahan kajian, diperkukuhkan dengan objektif dan kepentingan kajian serta mengambil kira sorotan kajian terdahulu, kajian terhadap konsep dan operasi pembiayaan kenderaan secara Islam adalah penting untuk dilakukan. Ia sekurang-kurangnya dapat memperbanyakkan sumber rujukan berhubung pembiayaan ini yang agak sedikit di samping dapat memenuhi lompang-lompang penyelidikan yang masih belum dikaji oleh para pengkaji sebelum ini. Di samping itu, pemahaman masyarakat yang masih rendah, penggunaan kaedah yang dipertikaikan dan penembusan pasaran (market share) yang masih kecil berkait pembiayaan ini khususnya melibatkan BIMB dan BMMB, isu peningkatan tertinggi kes-kes kebangkrapan dan hutang isi rumah negara melibatkan pembiayaan kenderaan secara keseluruhannya telah merisaukan banyak pihak kerana bakal membawa kesan negatif kepada masyarakat dan negara. Dalam situasi sedemikian, langkah pencegahan awal telah diambil oleh pihak BNM sebelum berlakunya krisis kewangan yang lebih teruk dengan mengeluarkan garis panduan yang lebih ketat yang memberi kesan segera terhadap industri pembiayaan kenderaan termasuklah pembiayaan kenderaan secara Islam.